



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 1 April 2013

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BILANGAN 12 TAHUN 2013

CUTI TIDAK BEREKOD PASUKAN SUKARELA DAN PERTUBUHAN/PERSATUAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, tuan/puan yang menjadi Ahli Pasukan Sukarela dan dikehendaki menghadiri latihan atau khemah tahunan pasukan-pasukan sukarela boleh diberi Cuti Tidak Berekod oleh Ketua Jabatan selama tidak melebihi 30 hari dalam satu-satu tahun. Cuti tidak berekod sebanyak 2 hari lagi boleh diberi bagi perjalanan ke tempat latihan atau khemah dan sebaliknya.

3. Bagi pegawai yang menjadi ahli pertubuhan dan persatuan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dari semasa ke semasa boleh diberi Cuti Tidak Berekod tidak lebih 14 hari bagi menghadiri latihan atau khemah tahunan yang diadakan dalam Malaysia.

4. Sehubungan itu, tuan/puan diminta mengemukakan permohonan cuti tidak berekod kepada UPSM di dalam tempoh satu minggu sebelum tarikh latihan. Setiap Cuti Tanpa Rekod yang dipohon perlu mendapat kelulusan daripada UPSM terlebih dahulu sebelum cuti tersebut di ambil.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

s.k.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah, LGM
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian